

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHG 456 - Geografi Wilayah ASEAN

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan menyumbangkan 25 markah. Di mana sesuai lukiskan peta-peta kasar dan gambarajah-gambarajah.

1. Tuliskan nota ringkas tentang perkara (a) [wajib] dan mana-mana DUA (2) daripada (b) hingga (e).
 - (a) Pembangunan Desa Bersepadu. (9 markah)
 - (b) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik. (8 markah)
 - (c) Rangkaian ke hadapan dan ke belakang. (8 markah)
 - (d) Tahap-tahap pertumbuhan perindustrian di wilayah ASEAN. (8 markah)
 - (e) Susunan Keutamaan Perdagangan. (8 markah)
- (25 markah)

..2/-

2. Di kebanyakan negara sedang membangun, pola taburan penduduk secara reruang dilihat sebagai isu-isu pembangunan yang utama. Oleh itu pihak kerajaan telah mengadakan dasar-dasar yang boleh mempengaruhi kadar dan pola migrasi dalaman serta susunan penduduk bandar dan luar bandar. Huraikan dengan merujuk pengalaman negara-negara ASEAN.
- (25 markah)
3. Perkembangan sektor perindustrian dalam 3 dekad yang lepas telah dipengaruhi oleh dasar-dasar domestik dan keadaan ekonomi antarabangsa. Bincangkan dengan merujuk pengalaman DUA buah negara ASEAN.
- (25 markah)
4. Dengan merujuk sebuah negara ASEAN (kecuali Malaysia) buatlah ulasan tentang setiap tajuk berikut:-
- a) Kepentingan skim penempatan tanah terhadap pembangunan ekonomi
- (9 markah)
- b) Pola taburan reruang skim penempatan tanah.
- (8 markah)
- c) Masalah-masalah yang berkaitan dengan perkembangan program penempatan tanah.
- (8 markah)
5. a) Huraikan faktor-faktor utama yang menyebabkan perkembangan bandar-bandar primat di wilayah ASEAN.
- (13 markah)
- b) Apakah strategi-strategi sesuai yang anda fikirkan boleh memperlambatkan pertumbuhan bandar primat di wilayah ASEAN?
- (12 markah)
6. Didapati bahawa kerjasama ekonomi di kalangan anggota ASEAN menjadi lebih giat selepas 1976, berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Bincangkan.
- (25 markah)